

16

Pembelajaran Berasaskan Projek bagi Pengajaran Kefahaman

Siti Noordiana Sulaiman

siti_noordiana@moe.edu.sg

Fasihah Rahmat


fasihah_rahmat@moe.edu.sg

Sekolah Assumption English

Abstrak

Kemahiran memahami teks dan menjawab soalan kefahaman merupakan kemahiran yang penting dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu. Pelajar-pelajar Menengah 1 didapati mengalami masalah dalam menjawab soalan-soalan jenis aras tinggi. Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana pelajar dapat meningkatkan keupayaan berfikir secara kritis, analitikal dan kreatif dalam aspek menjawab soalan kefahaman membaca. Bagi memberikan pengalaman pembelajaran yang berbeza, pelajar dilibatkan dengan pembelajaran berasaskan projek. Kajian ini menggunakan pendekatan Penilaian *Patchwork* (*Patchwork Assessment*) untuk membantu pelajar berfikir secara analitikal dan kreatif. Berdasarkan analisis data kajian, hasil kerja pelajar dan prestasi pelajar dalam penilaian formatif, boleh disimpulkan bahawa kaedah Penilaian *Patchwork* dalam Pembelajaran Berasaskan Projek lebih berkesan daripada kaedah konvensional berdasarkan peningkatan mutu jawapan pelajar.

Kata Kunci: Penilaian *Patchwork*, Kemahiran Berfikir, Kefahaman, Projek



PENGENALAN


Tuntutan berfikir secara kritis dan analitikal berdasarkan Taksonomi Bloom ke atas pelajar Menengah 1 lebih tinggi berbanding di sekolah rendah dari segi kemahiran menjawab soalan kefahaman. Pelajar-pelajar Menengah 1 perlu berfikir pada aras tinggi untuk menjawab soalan berdasarkan konteks yang diberikan. Perkara ini merupakan satu masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar berdasarkan latihan-latihan menjawab soalan kefahaman di bilik darjah.

Kemahiran berfikir secara kritis dan analitikal diperlukan untuk membolehkan pelajar melanjutkan keupayaan mereka untuk berfikir secara kreatif dalam mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di bilik darjah. Para pelajar memerlukan kemahiran ini untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan wadah yang dekat dengan diri mereka, bukan untuk tujuan peperiksaan dan ujian semata-mata. Guru-guru harus menggunakan strategi yang melibatkan pembelajaran pelajar secara aktif dalam menilai prestasi mereka dan memberikan maklum balas yang membantu pelajar merapatkan jurang pemahaman mereka dalam menjawab soalan-soalan kefahaman jenis aras tinggi.

PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran dan pembelajaran kefahaman di sekolah lazimnya berfokus pada mengajar pelajar teknik-teknik membaca dan memahami teks kefahaman membaca yang terdiri daripada genre naratif dan genre bukan naratif. Namun, apabila pelajar cuba menjawab soalan-soalan kefahaman berdasarkan pemahaman mereka, timbul satu masalah dalam memahami kehendak soalan dan menjawab soalan-soalan tersebut dengan baik. Soalan-soalan kefahaman di peringkat sekolah menengah memerlukan pelajar untuk menjawab soalan-soalan dengan koheren melalui memahami maksud kata kunci, membuat penilaian ke atas isi-isi yang telah mereka kenal pasti untuk menentukan kerelevanan isi-isi tersebut dalam memenuhi permintaan soalan, membuat kesimpulan ke atas sifat atau sikap watak berdasarkan bukti-bukti dalam petikan, membuat perbandingan antara watak, menilai tindak-tanduk, perasaan dan situasi yang dihadapi watak-watak dan membuat kaitan antara pengalaman watak dan pengalaman mereka sendiri.

Oleh itu, kemahiran berfikir dan menjawab soalan kefahaman perlulah



diajar secara bertahap-tahap kerana walaupun konteks dalam teks atau petikan karangan berubah, kemahiran dan kebolehan pelajar untuk memahami soalan dan cara menjawab soalan tetap sama dan pelajar perlu bersikap fleksibel dalam memenuhi kehendak soalan yang ditanya. Usaha untuk menangani masalah ini dalam kalangan pelajar menengah satu mencabar bagi guru kerana para pelajar perlu menyesuaikan diri dengan tuntutan kurikulum dan bentuk penilaian yang lebih mencabar. Kadangkala ini mengakibatkan pelajar berasa tertekan terutamanya jika jangkauan mereka terhadap prestasi sendiri bukanlah apa yang mereka harapkan.

TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan pendekatan Penilaian *Patchwork* (*Patchwork Assessment*) melalui Pembelajaran Berasaskan Projek dalam meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis, analitikal dan kreatif dalam aspek menjawab soalan kefahaman; dan
2. menggalakkan pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir secara kritis, analitikal dan kreatif dalam konteks kehidupan seharian.

KAJIAN LEPAS

Kajian yang dilaksanakan oleh Akister (2003) menunjukkan ciri-ciri kaedah Penilaian *Patchwork* dalam konteks kerja kemasyarakatan yang akan digunakan sebagai rujukan dalam mencipta dan mereka projek iklan pantun. Di dalam tugas ini, guru perlu memperkenalkan tugas-tugas yang perlu dilakukan secara bertahap. Langkah ini penting dalam merancang struktur pembelajaran dan penilaian supaya dapat melakarkan objektif pembelajaran yang lebih kompleks dan perlukan sintesis.

Wong L.M.(2007) mendapati dengan adanya unsur penilaian rakan, pelajar bukan sahaja dapat memberi penilaian kritikal terhadap hasil kerja rakan mereka, tetapi juga mendalami dan meningkatkan pemahaman mereka. Wong P.M. (2007) dalam kajiannya mendapati kelebihan kaedah Penilaian *Patchwork* iaitu pelibatan pelajar secara kognitif dan afektif dalam pembelajaran.



KAEDAH KAJIAN

Kaedah Penilaian *Patchwork* merupakan set beberapa buah tugas yang perlu diselesaikan oleh pelajar dalam tempoh waktu yang diberikan, yang akhirnya berkemuncak menjadi tugas akhir yang memerlukan pelajar untuk mensintesis pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari daripada tugas-tugas yang sebelumnya. Pembelajaran pelajar dinilai secara bertahap seiring dengan tugas-tugas awal yang telah disediakan.


Pembelajaran pelajar ini berlaku secara bersiri dengan maklum balas diberikan pada akhir setiap tugas, sepanjang beberapa buah sesi pengajaran yang telah ditetapkan, mengikut struktur yang membolehkan pelajar mencapai matlamat pembelajaran yang telah dikenal pasti. Kaedah penilaian pembelajaran pelajar ini merupakan kaedah yang berstruktur, sistematik, setiap tahap berkait rapat dan menekankan penguasaan kemahiran berfikir pelajar dan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran dari tahap awal sebelum dapat menguasai kemahiran dan pengetahuan selanjutnya di tahap seterusnya.

Bagi mencapai objektif pengajaran memahami bentuk dan menulis jenis-jenis pantun dan cara menjawab jenis-jenis soalan kefahaman, kaedah pengajaran berdasarkan model *Gradual Release of Responsibility (GRR)* yang dikemukakan oleh Pearson dan Gallagher (Fisher, 2008) digunakan agar pengajaran dapat dijalankan secara bertahap dengan membolehkan pelajar bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka sejajar dengan kemahiran yang telah mereka pelajari dan kuasai. Bermula dengan pengajaran berfokus dan pengajaran berpandu, pelajar kemudian mendapat peluang untuk mendemonstrasikan pemahaman mereka melalui pembelajaran secara kolaboratif dan akhirnya melakukan tugas yang diberikan secara sendiri.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar Menengah 1 Ekspres yang berada dalam tahap pelbagai keupayaan iaitu keupayaan melebihi aras kebolehan, pada aras kebolehan dan praaras kebolehan. Mereka juga telah diasingkan berdasarkan kriteria *Subject Based Banding*. Pelajar-pelajar yang mengikuti kursus aliran Ekspres terdiri daripada 16 orang pelajar.

Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk meningkatkan



keupayaan mereka dalam menjawab soalan kefahaman, khususnya kefahaman subjektif. Oleh sebab jumlah subjek kajian yang kecil, maka kajian ini dilakukan secara kualitatif untuk melihat keberkesanan kaedah dalam meningkatkan mutu jawapan pelajar serta kesan dalam membina keyakinan pelajar menjawab soalan aras tinggi.

Instrumen Kajian

Pelbagai instrumen kajian yang telah digunakan untuk melaksanakan kajian ini. Taksonomi menentukan jurang pemahaman pelajar (Toh, 2014) dirujuk untuk mengenal pasti punca masalah pemahaman yang dialami pelajar berdasarkan analisis tugas seharian kefahaman subjektif mereka.


Sistem penilaian formatif digunakan untuk menilai kelakonan pelajar daripada hasil pengupasan maksud pantun untuk menemui nilai pengajaran dan sifat-sifat terpuji yang terkandung dalam pantun-pantun tersebut. Penilaian penulisan pantun dengan menggunakan senarai semak ciri-ciri pantun dan rubrik penilaian projek iklan pantun juga digunakan supaya pelajar tahu kriteria kejayaan dalam memahami jenis pantun yang harus dihasilkan serta mutu pantun yang mereka harus hasilkan. Selain itu, tugas terakhir Penilaian *Patchwork* iaitu projek iklan pantun memerlukan pelajar untuk bekerja dalam kumpulan untuk menggalakkan pelajar untuk bekerja sama semasa proses pembelajaran.

Prosedur Kajian

Kajian ini telah berlangsung selama 4 minggu sepanjang 12 sesi pengajaran, lebih kurang satu hingga satu setengah jam setiap sesi. Pelajar diberikan tujuh tugas yang melibatkan penilaian *Patchwork*. Maklum balas bersifat konstruktif diberikan bagi setiap tugas awal yang telah diselesaikan pelajar. Untuk tugas akhir, guru memberikan bimbingan kepada pelajar untuk merancang papan cerita iklan mereka dan menulis draf skrip pantun mereka. Maklum balas tetap diberikan untuk draf pertama skrip pantun bagi memastikan kesemua pelajar dapat mensintesis pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari daripada tugas-tugas awal.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Secara keseluruhan, dapatan kajian kualitatif ini mendapati bahawa terdapat



peningkatan mutu jawapan pelajar dalam menjawab soalan kefahaman – mengenal pasti dan menjelaskan sifat berdasarkan bukti, penilaian peribadi berdasarkan bukti, sifat watak berdasarkan bukti-bukti dalam petikan, menilai tindak-tanduk, perasaan dan situasi yang dihadapi watak-watak dan membuat kaitan antara pengalaman watak dan pengalaman mereka sendiri. Sebelum projek ini dilaksanakan, pelajar dalam golongan pada aras kebolehan dan praaras kebolehan mengalami kesukaran dalam menjawab soalan aras tinggi.

Jadual 1: Jenis Soalan dan Pengamatan Mutu Jawapan Pelajar Sebelum Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek


Taksonomi Bloom (Dikemas kini)	Jenis Soalan	Mutu Jawapan Pelajar	Taksonomi Jurang Pemahaman Pelajar
Menganalisis (<i>Analysis</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Buktikan pernyataan Jelaskan sifat /sikap watak Perbandingan sifat/sikap/ keadaan 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dapat mengenal pasti bukti yang sesuai Tidak memberikan sifat watak dan hanya menyatakan tindakan watak Hanya menyatakan satu isi tanpa membuat perbandingan 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak memahami tuntutan soalan kerana pemahaman konseptual atau prosedural yang tidak lengkap Kekeliruan dari segi memahami konsep maksud kata kunci (contoh perbezaan maksud sifat dengan sikap)
Menilai (<i>Evaluate</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Jelaskan pengajaran Memberikan respons peribadi (contoh : Wajarkah, Pada pendapat kamu) 	<ul style="list-style-type: none"> Hanya menyatakan pengajaran tanpa penghuraian dan bukti Memberikan respons dan menyatakan tindakan watak tanpa menjawab soalan 	<ul style="list-style-type: none"> Tidak memahami tuntutan soalan kerana pemahaman konseptual atau prosedural yang tidak lengkap Ketidakupayaan untuk mengaplikasi pemahaman kerana kurang pengalaman konkrit mengaplikasi kemahiran/ pemahaman



Selepas kajian ini dilaksanakan, masalah-masalah yang telah dikenal pasti diajar dalam rancangan pengajaran dan pembelajaran Projek Iklan Pantun, mutu jawapan pelajar menjadi lebih baik dan terdapat usaha daripada pelajar untuk mengolah jawapan mereka dengan cara yang berstruktur dan fokus dalam menjawab kehendak soalan.

**Jadual 2: Jenis Soalan dan Pengamatan Mutu Jawapan Pelajar
Selepas Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Projek**

Taksonomi Bloom (Dikemas kini)	Jenis Soalan	Mutu Jawapan Pelajar	Taksonomi Jurang Pemahaman Pelajar
Menganalisis (<i>Analysis</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Buktikan pernyataan Jelaskan sifat / sikap watak Perbandingan sifat/sikap/ keadaan 	<ul style="list-style-type: none"> Dapat mengenal pasti bukti yang sesuai Terdapat usaha untuk menyatakan sifat watak dan dibuktikan dengan sekurang-kurangnya satu tindakan watak Terdapat usaha untuk membuat perbandingan dan dibuktikan dengan dua contoh relevan 	<ul style="list-style-type: none"> Jawapan pelajar menunjukkan pemahaman maksud soalan dan usaha untuk merancang isi jawapan bagi soalan perbandingan Kekeliruan kadangkala berlaku jika pelajar mempunyai penguasaan kosa kata yang terhad




<p>Menilai (<i>Evaluate</i>)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jelaskan pengajaran • Memberikan respons peribadi (contoh: Wajarkah, Pada pendapat kamu) 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan pengajaran yang disokong dengan bukti. Terdapat juga usaha untuk menghuraikan pengajaran yang telah dikenal pasti • Memberikan respons, terdapat usaha untuk menghuraikan pendapat dan percubaan untuk mengaitkan tindakan watak kepada kehendak soalan 	<ul style="list-style-type: none"> • Jawapan pelajar menunjukkan pemahaman maksud soalan dan usaha untuk merancang isi jawapan • Jawapan pelajar menunjukkan keupayaan untuk mengapikasi pemahaman (terbiasa)
--------------------------------------	---	---	---

Bagi kumpulan pelajar yang berkeupayaan melebihi aras kebolehan pula, masalah utama pemahaman konseptual atau prosedural yang tidak lengkap dan kesilapan yang berlaku kerana tidak membaca dan fahami kehendak soalan dengan teliti dapat diatasi melalui Penilaian *Patchwork* di mana mereka mendapat maklum balas yang diperlukan untuk membetulkan salah faham di tahap-tahap yang relevan. Melalui penggunaan senarai semak dan penilaian rakan sebaya juga, pelajar-pelajar turut sedar dan dapat memperbaiki kesilapan-kesilapan kecil yang telah mereka lakukan.

Manfaat pertama yang pelajar dapat daripada pendekatan Penilaian *Patchwork* dalam Pembelajaran Berasaskan Projek ini ialah mereka berpeluang belajar mengapikasi kemahiran berfikir di aras tinggi dalam pelbagai konteks. Antara konteks yang disediakan adalah:

1. mengenal pasti sifat melalui latihan tugas awal mengupas mesej yang terkandung dalam pantun budi dan pantun nasihat.



Sampel 1: Hasil Kerja Kendiri Pelajar (Soalan Sifat)

13. Jelaskan satu sifat positif yang digalakkan daripada rangkap kedua pantun ini dengan memberikan bukti yang sesuai. (5 markah)

Rangkap dua-kedua pantun ini menggalakkan kita untuk mempunyai sifat jujur kerana semua orang tidak suka orang yang membongkok. Jadi, kita harus belajar untuk bercakap dengan jujur. Jika tidak, orang akan membenci kita kerana kita menipu mereka.

- memahami pentingnya peranan bukti yang jelas dalam mengukuhkan pendapat dalam memberikan respons peribadi melalui pengupasan mesej dalam tugas awal yang perlu diselesaikan.

Sampel 2: Hasil Kerja Kendiri Pelajar (Soalan Respons Peribadi)

8) Terangkan bagaimana kamu dapat mengamalkan mesej rangkap ketiga pantun ini dalam hidup kamu.

Practical/apply

Apabila saya di sekolah atau di bersama-sama dengan ibu bapa saya, saya boleh mengamalkan mesej rangkap ketiga pantun di dalam kehidupan saya. Sebagai contoh, di mana pantun itu mengatakan bahawa anak baik mengamalkan ajaran dia bertakuti kepada ibu bapa. Pengajaran pantun ini ialah supaya kita tidak malar, ibu bapa jangan malu di mana mengamalkan mesej pantun sebagai anak baik. Contohnya, saya mendengar ibu bapa saya mengamalkan pantun ini.

9) Rangkap kedua pantun ini sesuai untuk setiap golongan masyarakat. Buktikan jawapan

- memahami cara mengenal pasti pengajaran daripada tugas menyampaikan mesej melalui pengupasan pantun nasihat dan penghasilan pantun untuk iklan video

Sampel 3: Hasil Kerja Kendiri Pelajar (Pengajaran)

c) Rangkap pantun pertama sesuai digunakan untuk menasihati seorang rakan kamu yang tidak suka bekerjasama dengan pelajar-pelajar lain. Maksud pantun rangkap pertama dimana pantun ini mengatakan bahawa kita haruslah berbuat kawan dengan orang sekeliling kita supaya kerja pun mudah dilakukan. Pengajaran pantun ini ialah kita selalu bekerjasama walaupun kita tidak suka orang itu. Kesannya ialah senang untuk kita membuat kerja-kerja dan boleh dilakukan dengan cepat. Contohnya ialah kita boleh membuat kerja bersama-sama dan jika kita tidak tahu bagaimana untuk buat, kita boleh menanya kawan kami.



- memberikan pendapat peribadi tentang nilai pantun yang dianalisis apabila dikaitkan kepada senario-senario autentik dalam kehidupan

Sampel 4: Hasil Kerja Kendiri Pelajar (Soalan Respons Peribadi)

7) Kamu ingin ~~menggalakkan~~^{encourage} tabiat membaca dalam seorang rakan kamu. Rangkap yang manakah yang sesuai untuk ditujukan kepadanya? Jelaskan.


Rangkap pantun tempat yang sesuai untuk menasihati seorang rakan kita untuk mengaplikasikan tabiat membaca kerana mesej ini mengatukakan supaya dia sikap yang rajin sifat rajin ~~gembira~~ rajin memba dan kita harus rajin membaca, rajin menulis dan sampai menjadi bijaksana.

Pengamatan mutu hasil kerja kendiri pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan tugas-tugas awal menunjukkan pelajar dapat memahami konsep dan mengaplikasikan strategi menjawab soalan kefahaman dalam konteks yang pelbagai semasa sesi amali.

Melalui tugas-tugas awal ini juga, pelajar-pelajar dapat mengukuhkan pemahaman konseptual kata-kata kunci yang sering digunakan dalam komponen kefahaman. Selain itu, keupayaan berfikir dan aplikasi kemahiran yang telah dipelajari tidak terbatas kepada komponen kefahaman sahaja tetapi boleh dilanjutkan kepada aplikasi pembelajaran di luar darjah melalui Pembelajaran Berasaskan Projek.

Manfaat kedua ialah masalah jurang pemahaman dapat dikesan dengan awal. Oleh sebab pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara bertahap dengan fokus diberikan kepada pencapaian objektif bagi setiap tugas awal yang disertakan dengan penilaian di akhir setiap tugas itu, masalah pemahaman bersifat konseptual dan prosedural dapat dikesan awal. Maklum balas konstruktif dan bimbingan lanjut dapat diberikan. Guru juga dapat membuat perubahan kepada kegiatan kelas untuk membantu pelajar membetulkan salah faham atau memberikan latihan tambahan untuk pelajar mengukuhkan aplikasi pengetahuan dan kemahiran mereka.

Manfaat ketiga yang dapat dilihat ialah kesan kepada keyakinan pelajar. Bagi pelajar-pelajar pada aras kebolehan dan praaras kebolehan, nampak usaha untuk mencuba menjawab soalan-soalan aras tinggi berbanding sebelumnya apabila mereka tidak berani mencuba mencatatkan jawapan langsung. Keyakinan




pelajar bertambah setiap kali mereka berjaya menyelesaikan tugas awal kerana mereka mempunyai ruang untuk mendalami dan mengaplikasi perkara yang dipelajari secara mendalam dan meluas. Bagi kumpulan pelajar keupayaan melebihi aras kebolehan pula, keyakinan ini dapat dilihat daripada ketepatan dan ketuntasan jawapan yang tidak berjela-jela yang menunjukkan pemahaman pelajar ke atas kehendak dan tuntutan soalan berbanding sebelumnya di mana mereka hanya tukil isi-isi untuk dijadikan bukti.

KESIMPULAN

Dapatan kajian kualitatif ini jelas menunjukkan keberkesanan usaha pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah berkait rapat kerana strategi penilaian sesuai (dengan tujuan penilaian yang diinginkan) yang dipilih dapat menilai keupayaan sebenar pelajar dalam menggarap konsep dan aplikasi teknik yang telah diajar kepada mereka secara bertahap.

Namun, aplikasi Penilaian *Patchwork* dalam Pembelajaran Berasaskan Projek ini dapat diperbaiki lagi dengan menyertakan sesi renungan pelajar selepas mereka menerima dan memberikan respons kepada maklum balas yang telah diterima. Ini membolehkan pelajar untuk memantau kemajuan dan prestasi mereka sendiri dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka. Sistem penilaian sumatif, khususnya Ujian Penggal 2 dan Peperiksaan Akhir Tahun turut dapat digunakan untuk menilai keberkesanan kaedah secara keseluruhan dalam meningkatkan keupayaan pelajar berfikir secara analitikal dan evaluatif dalam jangka waktu pendek dan panjang. Kaedah ini juga boleh diuji cuba dengan pelajar Bahasa Melayu aliran Normal (Akademik) jika konsep-konsep penting pada tahap awal disesuaikan dengan keupayaan pelajar dengan lebih fokus diberikan kepada proses arahan berpandu dan pembelajaran secara kolaboratif. Dari segi penyediaan tugas akhir pula, skop tugas boleh disesuaikan kepada tahap kesediaan pelajar.

Secara keseluruhan, terdapat banyak ruang aplikasi penggunaan kaedah Penilaian *Patchwork* dalam menggalakkan pemikiran yang analitikal, evaluatif dan kreatif melalui desain rancangan pengajaran kerana kaedah ini dapat memastikan kesinambungan dalam pengalaman pembelajaran pelajar dengan memberikan bukti konkrit untuk guru menilai keupayaan pelajar melalui aplikasi kemahiran dan pengetahuan yang telah dipelajari di dalam dan di luar bilik darjah.



RUJUKAN

- Fisher, Douglas D. (2008). An Effective Use of the Gradual Release of Responsibility Model, dipetik pada 2 January 2018 dari: https://www.mheonline.com/_treasures/pdf/douglas_fisher.pdf
- Krathwohl, David R. (2002). A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview. dalam *Theory Into Practice*, 41, No. 4, dipetik pada 2 January 2018 dari https://teaching.yale-nus.edu.sg/wp-content/uploads/sites/25/2016/02/A-Revision-of-Blooms-Taxonomy_An-Overview.pdf
- Tan, Kelvin. (2013). A Framework for Assessment for Learning: Implications for Feedback Practices within and beyond the Gap, dalam *ISRN Education*, 2013, Hindawi Publishing Cooperation dari <http://dx.doi.org/10.1155/2013/640609>
- _____ (2007). The Case for Qualitative Approaches to Assessment. dalam Tan Kelvin (Ed.), *Alternative Assessment in Schools – A Qualitative Approach*. Singapore : Prentice Hall Pearson Education South Asia Pte Ltd.
- Toh Poh Guan. (2014). What can the Taxonomy of Learning Gaps Tell Us About Learning and Assessment? In Toh Poh Guan & Leong See Cheng (Eds.), *Assessment in Singapore – Perspectives for Classroom Practice*. Singapore Examinations and Assessment Board.
- Wong Liang Min. (2007). Exploring Patchwork Text for Primary and Secondary School Learners. In Tan Kelvin (Ed.), *Alternative Assessment in Schools – A Qualitative Approach*. Singapore: Prentice Hall Pearson Education South Asia Pte Ltd.
- Wong Pei Meng. (2007). Patchwork Assessment for Argumentative Chinese Composition Writing. In Tan Kelvin (Ed.), *Alternative Assessment in Schools – A Qualitative Approach*. Singapore: Prentice Hall Pearson Education South Asia Pte Ltd.

